

11/03/2002

Nolly, Norjuma tetap anggun

Halina Mohd Noor

ANTARA 10 finalis Pengacara Jemputan Nona (PJN), Nolly Zai Awang Sham, 26, dan Norjuma Habib Mohamad, 21, nampaknya menarik perhatian ramai. Kedua-duanya memiliki keistimewaan tersendiri, biarpun masing-masing ada persamaan dalam beberapa perkara.

Hanya seorang peserta bertudung, kejelitaan Norjuma tetap terserlah berkebaya dan tudung firus. Sementara Nolly Zai pula tetap kelihatan anggun biarpun dirinya hamil lima bulan.

Mereka bukan saja berpenampilan menarik malah berpendidikan tinggi. Jika Norjuma masih belajar di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dalam bidang Pentadbiran Perniagaan, Nolly pula baru menamatkan pengajiannya dalam Sarjana Pengurusan Perniagaan (MBA) di Universiti Teknologi Mara (UiTM).

"Berparas cantik saja bukanlah tiket untuk berjaya sebagai pengacara jika tidak disertai dengan pendidikan. Berpendidikan membuatkan seseorang pengacara lebih dihormati selain mampu memberikan keyakinan diri," kata Nolly yang menafikan pembabitannya dalam PJN sekadar mencari glamour apatah lagi selepas bergelar isteri dan bakal menimang cahaya mata.

Pendapatnya turut disokong Norjuma, dari Pulau Pinang yang mengakui minat dengan pekerjaan yang menggunakan kemahiran berkomunikasi. PJN adalah pilihan paling tepat untuknya menimba pengalaman di samping menggilap bakat.

"Usia muda sebaik-baiknya digunakan untuk mencari pengalaman. Tidak semestinya seseorang itu menceburi bidang yang dipelajarinya tetapi banyak lagi peluang yang masih boleh dicuba. Mungkin kita ada bakat yang tidak kita sedari dan dari situ anda boleh tentukan bidang yang sesuai untuk diceburi kelak," katanya yang terkenal sebagai pendebat di UIAM.

Anak sulung daripada enam beradik ini sememangnya menggemari rancangan Nona dan menganggapnya rancangan berfaedah untuk mendedahkan wanita kepada pelbagai idea dan maklumat.

"Memang semua orang inginkan glamour tetapi apa yang penting ialah bijak mengawal diri dan ikut nasihat ibu bapa. Pesanan ibu tetap diingat agar saya tidak menanggalkan tudung semata-mata untuk mengejar glamour. Lagipun, bagi saya tudung bukan penghalang untuk berjaya dalam bidang ini," katanya yang bercita-cita menjadi pengacara berjaya suatu masa kelak.

Nolly yang berasal dari Likas, Sabah, memang bercita-cita menerbitkan rancangannya sendiri. Beliau ingin memastikan wanita tidak ketinggalan dalam perkembangan teknologi yang memangnya pesat hari ini.

"Sudah sampai masanya wanita menyertai perkembangan teknologi yang semakin canggih hari ini agar tidak ketinggalan di belakang. Program wanita juga perlu ditingkatkan dan tidak sekadar berkisar mengenai kecantikan atau keluarga," katanya, yang gemar bergurau.

Nolly beruntung kerana mendapat sokongan suami, Mahathir Tahir, yang mengendalikan syarikat pengiklanan di sekitar Kuala Lumpur.

"Sebenarnya ini mungkin tuah anak kerana saya berkahwin selepas menyertai PJN. Tidak sangka selepas itu disahkan hamil dan terpilih untuk ke pertandingan akhir antara gadis jelita yang menyertainya," katanya. Beliau juga gemar mengikuti kelas memasak pelbagai masakan untuk mengisi masa selepas tamat pengajian.

PJN adalah pertandingan mencari bakat yang diperkenalkan pada 1992. Ia dianjurkan dua kali setahun bagi mencari pengacara dalam bidang penyiaran.

Antara bakat yang berjaya dilahirkan ialah Normala Samsudin, Hamidah Hamzah, Maria Tunku Sabri, Norish Karman dan ramai lagi.

Tahun ini, PJN sekali lagi memperkenalkan 10 finalis yang terpilih untuk ke pertandingan akhir pada 24 Mac ini iaitu Syahreezan Johari, Norjuma Habib Mohamed, Nollyzai Awang Sham, Farah Adeeba Mohd Asraf, Zarina Abdul Rahman, Emmie Kaur, Angie Ng, Khatijah Jamaludin, Aishatuliza Abu Bakar dan Intan Jusmira Jamaludin.

Mereka akan bertanding di Sunway Pyramid Convention Centre dari segi bakat mengacara, IQ dan pengetahuan am. Ia akan disiarkan secara langsung pada 24 Mac dari jam 1.54 hingga 3.00 petang. Pertandingan itu menawarkan pelbagai hadiah menarik dengan hadiah bernilai RM53,000 untuk johan, RM40,000 untuk naib johan, manakala pemenang ketiga pula bakal meraih hadiah bernilai RM28,000.

Nona Fotogenik pula akan menerima hadiah bernilai RM9,000 dan hadiah sagu hati untuk tujuh pemenang menerima hadiah bernilai RM9,000.

Kata Pengurus Famili & Rekreasi TV3, Nuraeshah Malik, Nona mencatat peningkatan penonton seramai 1.7 juta. Sehubungan itu, rancangan berkenaan diperbaharui setiap enam bulan di samping memperkenalkan pengacara baru dalam segmen khas.

"Matlamat pertandingan ini adalah mencari pengacara berbakat sebagai pelapis dan mereka akan ditempatkan mengikut kemahiran dan kebolehan masing-masing," katanya.

(END)